

07 SEP 2003

DR MAHATHIR HADIR MAJLIS PERKAHWINAN CUCU SAUDARANYA

ALOR STAR, 7 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali malam ini menghadiri majlis perkahwinan cucu saudaranya di Taman Sultan Badlishah di sini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain bersama-sama lebih 1,000 tetamu.

Sejurus tiba pada pukul 9.15 malam, Dr Mahathir menabur bunga rampai dan merenjis air mawar ke atas pasangan pengantin Mohamad Nuhairi Rahmat dan Nur Shazmin Ahmad Kushairi.

Ibu Mohamad Nuhairi, Datin Yasmin Mashahor merupakan anak saudara Perdana Menteri.

-- BERNAMA

MNH LAT